

Taktik kotor: Amaran Dr. M UMNO akan jadi lemah

UMNO 11 OCT 1977

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa UMNO akan menjadi lemah sekiranya ada golongan yang menggunakan taktik kotor untuk merebut jawatan-jawatan pimpinan parti itu.

"Kita dapati kadang-kadang setengah daripada mereka yang berlumba-lumba ini seolah-olah tidak dapat tunggu lagi. Hendak sekarang juga. Ini yang menjadi masalah," katanya.

Dalam satu interviu khas dengan akhbar Suara Bersatu, lidah rasmi UMNO Malaysia, keluaran terbaru Pemangku Perdana Menteri menarik perhatian bermacam cara baik untuk mendapatkan tempat dalam parti.

Tetapi untuk mendapatkan tempat di kalangan pemimpin UMNO perlulah membekalkan masa yang panjang, jelas beliau yang juga Naib Presiden UMNO.

"Saya yakin bahawa parti ini mempunyai banyak pemimpin di peringkat bawah. Perlumbaan antara

pemimpin inilah yang menyebabkan pergolakan yang terdapat sekarang untuk menunjukkan kebolehan masing-masing," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, beliau menerangkan, semua pergolakan di dalam parti politik boleh dianggap sebagai bibit-bibit perpecahan.

Yang penting ialah cara kepimpinan menguruskan krisis-krisis yang timbul itu dengan cekap dan membendungnya dari membawa kepada perpecahan, jelasnya.

"Saya yakin bahawa setakat ini kepimpinan parti di bawah Pemangku Presiden sekarang ini dapat membendung semua perkara ini supaya tidak membawa kepada perpecahan," terang beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa sebuah badan seperti UMNO ini tidak mungkin kekal kalau asasnya ke-bencian—"Kita berjuang kerana kita benci sesuatu pihak."

"Apabila hilang kebencian itu, kita tidak

berjuang lagi, atau kita berjuang kerana pemu-suhan antara kita dengan orang lain, kerana musuh itu kita berjuang dalam UMNO," jelasnya.

Oleh beliau diterangkannya, bahawa ini berlaku dalam UMNO. "Beberapa tahun lalu kita bermusuh dengan satu golongan dalam negara kita ini, maka kita giat bekerja."

Apabila tidak ada musuh ini ataupun musuh itu sudah gagal, maka "kita lemah ataupun kalau musuh itu sudah menyertai perjuangan kita, kita juga menjadi lemah, katanya.

"Sebaliknya kalau kita mengasaskan perjuangan kita kepada perasaan sayang kepada kaum bangsa, negara dan agama dan kita tahu dengan kerana itu kita hendak supaya kaum bangsa kita terus maju maka usahanya tidak akan berhabisan atau tamat."

Mengenai bentuk dan corak UMNO di masa depan, beliau menerangkan kita perlu melihatkan UMNO ini menjadi sebuah MASS ORGANISATION.

Dalam konteks ini, beliau menyarankan ahli-ahlinya mestilah faham dan sedar terhadap hasrat dan tujuan UMNO ditubuhkan di samping faham tentang susunannya dan juga tentang cara-cara bertindak di dalamnya.

Mengenai peranan Pergerakan Pemuda pula, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "Pemuda UMNO tidak dapat dielakkan daripada menjadi sebahagian dari pressure group."

Yang menjadi masalah bukan mereka menjadi pressure group tetapi, "cara pressure ini diusahakan."

Kalau ianya diusahakan mengikut saluran-saluran yang tertentu, umpamanya mereka highlight perkara-perkara yang memerlukan perhatian daripada UMNO, maka ini memang menjadi satu perkara yang baik.

"Tetapi kalau mereka sanggup membuat sesuatu yang mungkin menimbulkan kecacuan dalam UMNO semata-mata kerana ingin mengutarakan pendapat mereka, ini tidaklah begitu sihat."

Mengenai timbulnya undi-undi tidak percaya kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dibuat oleh bahagian atau cawangan UMNO, beliau menjelaskan:

Perkara ini berlaku kerana ahli-ahli UMNO dan juga pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian kadang-kadang tidak begitu faham tentang susunan dan cara bertindak di dalam UMNO.

"Oleh itu kadang-kadang mereka terpengaruh dengan perasaan mereka terhadap sesuatu perkara dan apabila perasaan ini tidak dilayan ataupun tidak dibendung oleh pihak-pihak tertentu, terjadilah perkara membuat undi tidak percaya ini," jelasnya.

Tetapi yang lebih penting lagi, menurutnya, ialah sungguhpun ini berlaku dalam UMNO sendiri sebagai pertubuhan politik dapat mengawasi dan mengekalkan perpaduan dalam UMNO sendiri.